

Pusat, kerajaan negeri berunding mantapkan perkhidmatan awam

PUTRAJAYA 28 Sept. - Kerajaan hari ini mengambil beberapa keputusan melibatkan pemantapan dan penambahbaikan perkhidmatan awam termasuk pembayaran insentif RM100 sebulan kepada petugas bomba yang terlibat memberi bantuan awal kepada mangsa bencana.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kerajaan Pusat juga akan berunding dengan kerajaan negeri bagi memajukan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) perkhidmatan awam dalam usaha melicinkan urusan pentadbiran antara agensi Persekutuan dengan negeri.

Perkara tersebut diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja-Pekerja Sektor Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri di sini hari ini.

"Negara kita mempunyai cuti hujung minggu yang berbeza, maka pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, tidak ada

UM- 29/9/2006
hubungan antara negeri-negeri berkenaan dengan Kerajaan Persekutuan.

"Kita akan rujuk kepada kerajaan negeri supaya menetapkan waktu kerja kakitangan awam yang boleh menghubungkan negeri itu dengan Kerajaan Persekutuan.

"Bila ada waktu bekerja berperingkat mengikut masa yang ditentukan untuk pegawai ini dan pegawai Persekutuan, maka semua kerja akan dibersikan dengan segera," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat tersebut.

Menurut Perdana Menteri, penolong pegawai tadbir yang juga penghulu hanya akan dipilih daripada mereka yang berpengalaman lebih 10 tahun di bidang kemasyarakatan.

"Sebelum ini kelayakan untuk jawatan itu adalah mereka yang memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan diploma sahaja menyebabkan ada penghulu yang terlalu muda dan tidak berpengalaman," katanya.

Abdullah juga menjelaskan, bayaran

RM100 sebulan kepada petugas bomba itu adalah sebagai bayaran insentif rawatan kecemasan kepada pegawai bomba yang bertugas di Unit Pre Hospital-Care yang memberi bantuan awam kepada mangsa bencana.

"Mesyuarat juga memutuskan perkhidmatan migrasi dimantapkan dengan mewujudkan perkhidmatan kumpulan pengurusan dan profesional seperti perkhidmatan seragam yang lain umpamanya bomba dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan pembantu perubatan juga akan diwujudkan skim perkhidmatan bersepadu yang menggabungkan dua kelompok perkhidmatan iaitu kumpulan sokongan serta kumpulan pengurusan dan profesional.

Bagi pelantikan secara Lateral Anggota ke sektor awam pula, katanya ia akan diperluaskan ke peringkat Persekutuan, negeri atau daerah secara kontrak berdasarkan peraturan sedia ada.